

Perancangan strategik pacu pelaburan, kemajuan ekonomi

Oleh **FATIN NORIZATI MAT ISA**
norizati.isa@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Kerajaan sudah melaksanakan pelbagai perancangan strategik sepanjang 2024 untuk melonjakkan ekonomi negara serta memastikan keharmonian yang berpanjangan kepada rakyat dan negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, antara pencapaian utama negara ialah pelaburan digital yang diluluskan berjumlah RM254.7 bilion bagi tempoh Januari hingga September 2024 yang berjaya mewujudkan 159,000 peluang pekerjaan.

Menerusi laporan bertajuk 'Sorotan 2024, Melonjak Ekonomi, Melimpah Kemakmuran', beliau berkongsi beberapa inisiatif yang sudah dan sedang dilaksanakan serta kejayaan yang dicapai oleh ekonomi negara.

"Syarikat teknologi gergasi seperti Microsoft (RM10.5 bilion), NVIDIA dan YTL (RM20 bilion), Oracle (RM27 bilion), AWS (RM21.3 bilion) dan Google (RM9.4 bilion) adalah antara pelabur utama.

"Pelaburan ini dijangka memacu pertumbuhan teknologi dan menjadikan Malaysia sebagai hab digital Asia Tenggara," katanya dalam laman Facebook rasmi beliau semalam.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, antara lain ialah pelaburan syarikat Infineon di Kedah berjumlah RM30.1 bilion untuk membina loji fabrikasi kuasa silikon karbida terbesar di dunia yang akan menyediakan 4,000 peluang pekerjaan.



“

Pelaburan ini dijangka memacu pertumbuhan teknologi dan menjadilkan Malaysia sebagai hab digital Asia Tenggara.”

ANWAR IBRAHIM

Kata beliau, langkah ini akan mengukuhkan industri semikonduktor negara, menarik lebih ramai pelabur antarabangsa dan meningkatkan eksport.

"Kerajaan juga memfokuskan pembangunan tenaga hijau dengan pelancaran Taman Perindustrian Hijau Bersepadu Kerian (KIGIP) di Perak.

"Projek ladang solar seluas 267.09 hektar itu dibangunkan melalui kerjasama strategik antara SD Guthrie dan Permodalan Nasional Bhd," katanya.

Dalam pada itu, Anwar berkata, bagi meningkatkan sosioekonomi, kerajaan memperkenalkan Pelan Transformasi Ekonomi Bumi-

putera (PuTERA35) yang memberi tumpuan kepada penglibatan ekonomi Bumiputera melalui inisiatif tersasar serta mempromosikan keadilan sosio-ekonomi.

"Pelan Induk Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS) 2030 pula disasarkan untuk menyumbang RM82 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menjelang 2030 dengan jangkakan 900,000 pekerjaan baharu melalui pelbagai projek kerjasama awam-swasta (PPP)," jelasnya.

Selain itu, Anwar berkata, enam syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) melabur RM120 bilion di bawah program pelaburan GLIC (GEAR-uP) untuk

meningkatkan sektor pembuatan berteknologi tinggi dan tenaga mampan serta memacu ketahanan ekonomi jangka panjang.

Kata beliau, perkembangan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) termasuk pertumbuhan KDNK sebanyak 4.7 peratus (RM4.2 bilion) pada suku kedua 2024 mencatatkan peningkatan pekerjaan sebanyak 0.9 peratus atau 200,000 pekerjaan dan pelaburan sektor semikonduktor bernilai RM34.6 bilion.

"Kerajaan akan terus bekerja keras di tahun-tahun mendatang untuk memacu masa depan kita yang lebih sejahtera, insya Allah," katanya.